

06/01/1999

Pemuda sedia terima semula Muhammad

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno bersedia menerima bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, untuk kembali aktif dalam parti selepas beliau bebas daripada segala tuduhan terhadapnya.

Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata tidak ada sebab mengapa Muhammad dihalang daripada berkhidmat semula sebagai Naib Presiden Umno selepas beliau melalui proses mahkamah seperti yang disyaratkan.

Bagaimanapun, katanya, keputusan akhir mengenai kedudukan Muhammad bergantung kepada Majlis Tertinggi Umno yang akan bermesyuarat Jumaat ini dan Exco Pemuda sudah memberi mandat kepada beliau untuk mengemukakan pendirian pergerakan itu.

"Proses mahkamah sudah dilaksanakan dan keputusan sudah dibuat. Tidak ada sebab mengapa beliau tidak boleh aktif semula," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda, di sini hari ini.

Minggu lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mendapati Muhammad tidak bersalah terhadap tuduhan gagal mengisytiharkan harta miliknya dan keluarga mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata Muhammad boleh aktif semula selepas kedudukan beliau sebagai Naib Presiden Umno didengar secara rasmi terlebih dahulu oleh Majlis Tertinggi.

Mei tahun lalu, Muhammad dibebaskan daripada tuduhan gagal mengisytiharkan mata wang asing bernilai A\$1.26 juta (RM2.9 juta) miliknya yang ditemui Kastam Australia di Lapangan Terbang Brisbane ketika hendak berlepas ke New Zealand.

Naib Presiden Umno itu diberi kebenaran mengambil cuti daripada tugas parti dan beliau melepaskan jawatan Menteri Besarnya untuk menyelesaikan masalah perundangan yang dihadapinya.

Mengenai langkah Peguam Negara memfailkan rayuan hari ini terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membebaskan Muhammad, Hishammuddin berkata, itu adalah proses biasa perundangan.

(END)